

SYARAT-SYARAT MENYERTAI

1. Anda perlu berdaftar **sekali sahaja** di kaunter Farmasi Klinik Pakar sebelum menggunakan perkhidmatan ini.
2. Perkhidmatan ini adalah untuk pesakit yang mengambil bekalan ubat ulangan.
3. Dapat mengikuti tarikh temu janji.
4. Maklumat peribadi eg, No. IC, no. telefon yang diberikan semasa pendaftaran adalah tepat & betul.
5. Tempoh preskripsi melebihi 1 bulan.
6. Preskripsi mestilah sah, lengkap & anda mempunyai tarikh temu janji doctor yang tetap di Hospital Bintulu.
7. Kad 'Kad Temujanji' harus disertakan dengan preskripsi baru di kaunter farmasi setiap kali jumpa doktor.
8. Jika tuan/puan tidak mengambil bekalan ubat dalam tempoh 14 hari selepas tarikh yang dijanjikan, tuan/puan perlu beratur untuk mengambil ubat mengikut giliran seperti biasa.
9. Bawa slip ubat & kad 'kad Temujanji' apabila ambil ubat di farmasi.



Diterbitkan oleh:
Farmasi Klinik Pakar
Hospital Bintulu

Sebarang pertanyaan, sila rujuk kami di kaunter
Farmasi Klinik Pakar atau hubungi kami melalui

No. Tel. 086-255899 samb. 4306

KAD TEMUJANJI

Cepat . Mudah

ini mengambil masa lebih lama daripada
saya tinggal di hospital



Ingin mengambil ubat ulangan
tanpa menunggu lama di
farmasi? Gunalah
perkhidmatan
'KAD TEMUJANJI'

Cara Menggunakan 'KAD TEMUJANJI'

1. Memberitahu Pegawai Farmasi semasa mengambil ubat di kaunter Farmasi.
2. Duduk menunggu ubat disediakan. (**hanya untuk pendaftaran kali pertama atau membawa preskripsi baru**)
3. Pengambilan ubat ulangan secara terus di kaunter 3 dan 4 (tanpa mengambil number giliran)



Kenapa 'KAD TEMUJANJI' ?

Cepat kerana anda tidak perlu menunggu lama semasa mengambil ubat susulan.

Mudah kerana anda hanya perlu datang mengikut tarikh yang dicatatkan pada kad temujanji anda.

Waktu Pengambilan Ubat untuk 'KAD TEMUJANJI'

Isnin - Jumaat :

8.00am - 5.00pm

Ubat Ekstemporaneous:

10.00 am - 5:00 pm

Sila Pastikan



- ✓ Anda telah mendaftar diri sebagai pengguna 'Kad Temujanji' di kaunter farmasi klinik pakar
- ✓ Tunjukkan kad 'Kad Temujanji' & slip ubat semasa mengambil ubat anda di farmasi.
- ✓ Kad 'Kad Temujanji' harus disertakan dengan preskripsi baru di kaunter farmasi setiap kali jumpa doktor.
- ✓ Jika gagal datang pada hari yang ditetapkan, sila hubungi pegawai **2 minggu lebih awal** untuk mendapat tarikh baru.